

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SECARA KOLABORATIF
TERHADAP PRESTASI MATA PELAJARAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN (P315) PELAJAR SIJIL SIMPAN KIRA
SEMESTER 4 DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI

FAIZAH BINTI OMAR

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

PERPUSTAKAAN KUITTHO



3 0000 00175212 1

2018

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SECARA KOLABORATIF
TERHADAP PRESTASI MATA PELAJARAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN (P315) PELAJAR SIJIL SIMPAN KIRA SEMESTER 4 DI
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

SESI PENGAJIAN: 2002/2003

Saya FAIZAH BINTI OMAR
(HURUF BESAR)


mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: KG. JERING CHEPIR
08200 SIK, KEDAH



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

TW HAJI MD YUSOF BIN JAMAR
Nama Penyelia


Tarikh: 23 SEPTEMBER 2002

Tarikh: 23 SEPTEMBER 2002

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya / Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya / kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah Pendidikan Teknik Dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : TN. HAJI MD YUSOF BIN JAMAR
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

* Potong yang tidak berkenaan

**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SECARA KOLABORATIF
TERHADAP PRESTASI MATA PELAJARAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN (P315) PELAJAR SIJIL SIMPAN KIRA SEMESTER
4 DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI**


FAIZAH BINTI OMAR

Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : FAIZAH BINTI OMAR
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

*Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Khas Untuk Yang Teristimewa:
Mak Dan Ayah*

*Sabariah Ishak & Omar Husin
Segala Kasih Sayang Yang diberikan Tidak Mungkin Terbalas
Walaupun Dengan Segunung Intan*

Tidak lupa Kepada Adik Beradik Yang Terlalu Banyak Menabur Budi.....

Serta Rakan-Rakan Seperjuangan

Terima Kasih Di atas Segalanya.....

*Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya
Dengan Kasih Sayang Dan Cinta Kalian.*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, akhirnya dapat juga saya menyiapkan dan menyempurnakan thesis ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek, Tn. Hj Md Yusof bin Jamar di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan perhatian yang telah diberikan selama saya menjalankan kajian ini. Tidak dilupa juga kepada para pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional di atas segala tunjuk ajar dan pandangan yang telah diberikan selama ini.

Tidak lupa kepada para pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4, Politeknik Seberang Perai yang banyak memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan dan kepada pensyarah-pensyarah di Politeknik Seberang Perai, jasa anda tidak akan dilupakan dan sentiasa terpahat disanubari.

Akhir sekali, tidak dilupa juga kepada keluarga, rakan seperjuangan serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan thesis ini. Semoga Allah S.W.T memberikan limpah kerahmatan dan ganjaran ke atas jasa dan budi yang diberikan.

ABSTRAK

Pembelajaran secara kolaboratif merupakan satu teknik pembelajaran secara berkumpul di mana pelajar dapat berkongsi ide mengenai permasalahan yang diberi. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap keberkesanan teknik pembelajaran secara kolaboratif terhadap prestasi pelajar. Kajian dilakukan ke atas 80 orang pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 di Politeknik Seberang Perai. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan prestasi bagi pelajar yang menggunakan teknik kolaboratif berbanding pelajar yang tidak menggunakan teknik kolaboratif. Oleh itu, teknik kolaboratif boleh dijadikan sebagai satu alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

Collaborative learning is a group learning technique that allows students to share tasks on solving problems in learning. The research is conducted to observe the effectiveness of collaborative learning on student performance. This study was conducted on 80 Certificate in Book Keeping students in Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Findings from this research show significant increase in students' who used collaborative learning technique compared to students who do not use this technique.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA
SURAT	
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB I PENDAHULUAN

	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Tujuan Kajian	4
	1.5 Kerangka Teori	4
	1.6 Objektif Kajian	6
	1.7 Persoalan Kajian	7

1.8	Hipotesis Kajian	7
1.9	Skop Kajian	8
1.10	Kepentingan Kajian	8
1.11	Andaian Kajian	9
1.12	Limitasi Kajian	9
1.13	Definisi	10
	1.13.1 Keberkesanan	10
	1.13.2 Pembelajaran Secara Kolaboratif	10
1.14	Rumusan	11

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Model Pembelajaran Secara Kolaboratif	13
2.3	Sorotan Penyelidikan	15
2.4	Gaya Pembelajaran Kolaboratif	17
2.5	Elemen-Elemen dalam Pembelajaran Kolaboratif	19
2.6	Pembelajaran Kolaboratif Yang Berkesan	20
2.7	Kebaikan Pembelajaran Kolaboratif	21

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	23
3.2	Rekabentuk Kajian	23
3.3	Sampel Kajian	24
3.4	Instrumen Kajian	25
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	28
3.6	Kaedah Mengumpul Data	29
3.7	Kaedah Menganalisis Data	30
3.8	Rumusan	30

BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.1	Pendahuluan	31
4.2	Dapatan Kajian	32
4.3	Bahagian B: Analisis Kajian	33
4.3.1	Jantina Analisis Perbezaan Prestasi Pelajar Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan	33
4.3.2	Analisis Keberkesanan Teknik Kolaboratif Dalam Peningkatan Prestasi Matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315)	35
4.3.3	Analisis Pemahaman Pelajar Terhadap Ciri- Ciri Teknik Pembelajaran Secara Kolaboratif Yang Diamalkan.	37
4.3.4	Analisis Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Pembelajaran Kolaboratif	40

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	43
5.2	Perbincangan	44
5.2.1	Perbezaan Prestasi Bagi Pelajar Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan	44
5.2.2	Keberkesanan Teknik Kolaboratif Dalam Peningkatan Prestasi Matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315)	45
5.2.3	Pemahaman Pelajar Terhadap Ciri-ciri Teknik Pembelajaran Secara Kolaboratif Yang Diamalkan	46
5.2.4	Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Pembelajaran Kolaboratif	47

5.3	Kesimpulan	48
5.4	Cadangan	49

BAB VI REKABENTUK PRODUK

6.1	Pendahuluan	51
6.2	Carta Alir Bagi Rekabentuk Dan Pembinaan Garis Panduan Pembelajaran Secara Kolaboratif	52
6.2.1	Analisis Keperluan Bagi Pembinaan Garis Panduan	53
6.2.2	Tentukan Format Garis Panduan	53
6.2.3	Kenalpasti Ciri- Ciri Pengguna	53
6.2.4	Bina Objektif Garis Panduan Bertingkah laku	53
6.2.5	Senarai Teknik Pembelajaran Kolaboratif Yang Berkesan	54
6.2.6	Analisis Data Yang Berkaitan Dengan Objektif yang perlu Dimasukkan	54
6.2.7	Tatacara Teknik Kolaboratif Dan Bina Garis Panduan Sebenar	54
6.2.8	Semak Semula Garis Panduan	54
6.2.9	Garis Panduan Teknik Pembelajaran Kolaboratif Yang Sebenar	55
6.3	Kandungan Garis Panduan Teknik Pembelajaran Secara Kolaboratif	55
6.4	Objektif Penghasilan Garis Panduan Pembelajaran Secara Kolaboratif	55
6.5	Cadangan Pembaikan	56
6.6	Penutup	56
	SENARAI BIBLIOGRAFI	57
	LAMPIRAN	
	Lampiran A-G	62

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Skala "LIKERT"	26
4.1	Pengujian Keseragaman	34
4.2	Perbandingan Peningkatan Prestasi	34
4.3	Perbandingan Prestasi Pra Ujian Dengan Pos Ujian Kumpulan Eksperimen	36
4.4	Jadual Tafsiran Min	37
4.5	Ciri-Ciri Teknik Kolaboratif Yang Diamalkan Oleh Pelajar	38
4.6	Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Teknik Kolaboratif Dalam Pelajaran	40

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	5
2.1	Konsep Dan Proses Dalam.Perbincangan Oleh David Bound (1995)	14
3.1	Rekabentuk Kajian	24
6.1	Carta Alir Bagi Rekebentuk Dan Pembinaan Garis Panduan Dari Model Meyer	52

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik Kajian	62
B	Hasil Kajian Rintis	68
C	Hasil Analisis Demografi	70
D	Hasil Analisis Perbezaan Prestasi Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan	71
E	Hasil Analisis Perbezaan Prestasi Pelajar Sebelum Dan Selepas Menggunakan Teknik Kolaboratif	72
F	Hasil Analisis Ciri-Ciri Teknik Kolaboratif Yang Diamalkan Oleh Pelajar dan Hasil Analisis Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Teknik Kolaboratif	73
G	Garis Panduan Teknik Pembelajaran Kolaboratif	74

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses pembelajaran memainkan peranan penting bagi seseorang individu itu untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Pembelajaran merupakan proses tingkahlaku yang agak kekal yang dihasilkan melalui pengalaman dan latihan. Oleh itu, pendidikan menjadi agenda terpenting di seluruh dunia dan sering menjadi tumpuan kepada penyelidik untuk mencari kaedah serta teknik yang terbaik bagi menanganinya.

Salah satu teknik pembelajaran yang popular dewasa ini ialah pembelajaran secara kolaboratif atau berkumpulan. Robert E. Slavin (1990) menyatakan bahawa melalui kaedah ini pelajar dapat berbincang dan mengemukakan pandangan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan yang berkaitan dengan pembelajaran.

Secara umumnya, gaya pembelajaran kolaboratif merupakan satu teknik pembelajaran secara berkumpulan di mana pelajar dapat berkongsi ide mengenai sesuatu subjek dan permasalahan pembelajaran dan menyelesaikannya secara

bersama (Padilah, 1994). Dewasa ini teknik pembelajaran secara kolaboratif digunakan secara meluas di sekolah-sekolah dan juga institusi-institusi pengajian tinggi.

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan kaedah pembelajaran secara kolaboratif ke atas prestasi akademik di kalangan pelajar-pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian ini juga akan lebih menumpukan kepada gaya pembelajaran *collaborative base group*.

1.2 Latar Belakang Masalah

Salah satu faktor penting dalam pembelajaran ialah teknik yang digunakan dalam proses pembelajaran. Teknik pembelajaran yang sesuai akan dapat memberi kesan yang positif terhadap prestasi pelajar dalam pelajaran.

Bagi memenuhi kepentingan pembelajaran dan pencapaian akademik yang cemerlang, pelajar seharusnya bijak menggunakan teknik pembelajaran yang bersesuaian dengan mereka dan dengan kehendak matapelajaran. Pengurusan Perniagaan (P315) merupakan matapelajaran yang memerlukan pelajar mempunyai kemahiran interaksi yang tinggi. Oleh itu, pemilihan teknik yang berkesan mampu membantu pelajar-pelajar dalam meningkatkan prestasi pelajaran mereka.

Melalui temubual dengan pensyarah matapelajaran Pengurusan Perniagaan En Aziz di Politeknik Seberang Perai, beliau menyatakan terdapatnya pergantungan yang keterlaluan pelajar ke atas pensyarah. Di mana pelajar tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk mencari sendiri maklumat-maklumat yang di diperlukan dalam pembelajaran mereka. Pergantungan ini menyebabkan mereka tidak dapat

memperluaskan lagi pemikiran mereka terhadap pelajaran yang dipelajari. Melalui pemerhatian juga iaitu semasa pengkaji menjalani latihan praktikal Politeknik Seberang Perai didapati pelajar terlalu mengharapkan kepada pensyarah untuk mendapatkan segala nota dan bahan pembelajaran. Pengkaji cuba untuk menerapkan teknik pembelajaran kolaboratif dan kajian ini dijalankan untuk melihat samada wujudnya perbezaan prestasi kesan dari penggunaan teknik kolaboratif dan adakah ianya mempengaruhi pembelajaran mereka seterusnya agar mereka dapat menyedari kebaikan pembelajaran kolaboratif dan berusaha untuk mengaplikasikannya dalam proses pembelajaran mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Belajar merupakan satu proses yang berkaitan dengan keinginan untuk seseorang itu mencapai matlamat. Dalam usaha mencapai kecemerlangan seseorang pelajar harus melaksanakan aktiviti pembelajaran yang sesuai meliputi proses mengumpul maklumat, mengemaskini nota dan menyelesaikan masalah.

Aktiviti pembelajaran yang bersesuaian akan membawa kepada impak yang positif kepada seseorang pelajar itu. Secara umumnya pembelajaran secara individu kurang membantu pelajar dalam menyelesaikan masalah rumit yang memerlukan proses pemikiran yang tinggi (Abdul Rahim, 1992). Berdasarkan permasalahan yang wujud ialah pergantungan pelajar kepada pensyarah pengkaji cuba untuk memperkenalkan teknik kolaboratif dan sekiranya ia berkesan pelajar boleh mengaplikasikan teknik tersebut dalam pembelajaran mereka.


Persoalan yang wujud adalah untuk melihat keberkesanan pembelajaran secara kolaboratif terhadap prestasi matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315) pelajar Sijil Simpan Kira di Politeknik Seberang Perai.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat samada wujud perbezaan prestasi pelajar selepas dan sebelum menggunakan teknik kolaboratif dan adakah terdapat perbezaan prestasi matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315) bagi pelajar yang menggunakan teknik kolaboratif dengan pelajar yang tidak mengamalkan teknik pembelajaran kolaboratif bagi pelajar-pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 di Politeknik Seberang Perai

1.5 Kerangka Teori

Di dalam kajian ini, kerangka teoritikal adalah berdasarkan penggabungan beberapa teori. Teori tersebut yang dipetik daripada Spradley (1981), Sloan & Schommer (1975) dan David Bound (1995) adalah seperti dalam **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Sumber

1. Spradley (1981)
2. Sloan dan Schommer (1975, ms 199)
3. David Bound (1995, ms 174)

Menurut Sloan dan Schommer (1975), pembelajaran berkumpulan dapat membantu pelajar-pelajar baru melalui proses pembelajaran dengan lebih mudah. Manakala menurut David Bound (1995, ms 174) proses komunikasi akan menjadi lebih sukar sekiranya perhubungan di antara guru dan murid renggang yang mana

akan membawa kesan yang buruk kepada pelajar tersebut dan ianya akan menjadi lebih sukar apabila hubungan di antara pelajar dengan pelajar juga mempunyai masalah. Melalui perbincangan dan kerjasama yang wujud di antara guru dan pelajar akan membantu kedua-dua pihak melalui proses pembelajaran dan pengajaran dengan lebih mudah dan teratur. Spradley (1981) pula menyatakan perlu adanya kerjasama, komitmen dan perbincangan di antara pelajar bagi memenuhi matlamat yang ingin dicapai.

1.6 Objektif Kajian

Dari kajian yang dijalankan penyelidik ingin mengetahui :

- i. Mengenalpasti samada wujudnya masalah pembelajaran di kalangan pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 Politeknik Seberang Perai.
- ii. Mengenalpasti kewujudan perbezaan prestasi bagi pelajar yang menggunakan teknik kolaboratif dengan pelajar yang tidak menggunakan teknik kolaboratif dalam matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315).
- iii. Menyenaraikan ciri-ciri pemahaman teknik kolaboratif yang diamalkan sepanjang dua bulan mengikuti pembelajaran secara kolaboratif.
- iv. Menyatakan pandangan pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 di Politeknik Seberang Perai terhadap kepentingan pembelajaran kolaboratif.

1.7 Persoalan Kajian

- i. Adakah terdapat perbezaan prestasi bagi pelajar yang menggunakan teknik kolaboratif dengan pelajar yang tidak menggunakan teknik kolaboratif dalam matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315)?
- ii. Apakah ciri-ciri teknik kolaboratif yang diamalkan sepanjang dua bulan mengikuti pembelajaran secara kolaboratif?
- iii. Apakah pandangan pelajar terhadap kepentingan pembelajaran kolaboratif terhadap diri pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 di Politeknik Seberang Perai?

1.8 Hipotesis kajian

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas prestasi pelajar yang menggunakan teknik kolaboratif dan prestasi pelajar yang tidak menggunakan teknik kolaboratif dalam matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315).

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan ke atas prestasi pelajar yang menggunakan teknik kolaboratif dan pelajar yang tidak menggunakan teknik kolaboratif dalam matapelajaran Pengurusan Perniagaan (P315).